

18 AUG 2000

Daim-Wanita

DAIM NAK SAMPAIKAN CADANGAN TUBUH KEMENTERIAN WANITA

KUALA LUMPUR, 18 Ogos (Bernama) -- Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin berkata beliau akan menyampaikan cadangan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya diwujudkan kementerian khas yang menjaga hal ehwal wanita, pembangunan keluarga dan kanak-kanak.

Daim berkata beliau akan hanya menyampaikan perkara itu yang dicadangkan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Shahrizat Jalil dan terpulang kepada Perdana Menteri untuk membuat keputusan sama ada menerima atau menolak cadangan itu.

"Kerajaan sentiasa bersikap terbuka dan bersedia menerima apa sahaja cadangan daripada mana-mana pihak," katanya ketika berdialog dengan 400 peserta Persidangan Khas Wanita 2000, di sini, hari ini.

Daim mengulas ucapan Shahrizat sebelum majlis dialog berkenaan yang mendedahkan bahawa Jabatan Hal Ehwal Wanita (Hawa) di Jabatan Perdana Menteri tidak dapat berfungsi secara berkesan kerana ia tidak bertaraf kementerian.

"Sejak saya mengetuai Hawa kira-kira lapan bulan lepas saya dapati ia gagal memainkan peranan secara berkesan. Oleh itu, lebih baik diwujudkan kementerian khusus bagi menjaga hal ehwal wanita," kata Shahrizat.

Shahrizat juga berkata jumlah peruntukan yang diterima Hawa sebanyak RM21.6 juta pada tahun lepas tidak mencukupi bagi membiayai program untuk semua wanita di negara ini yang berjumlah sebanyak 11.2 juta orang.

"Jumlah peruntukan yang diberikan ini menunjukkan bahawa kerajaan hanya membelanjakan kurang RM2 untuk seorang wanita sepanjang tahun lepas," katanya.

Daim ketika mengulas isu berkenaan berkata peruntukan sebanyak itu diberikan pada tahun lepas kerana kerajaan mendapati Hawa tidak membelanjakan semua peruntukan yang diberikan pada tahun-tahun sebelum itu.

"Kita bersedia untuk mengkaji kemungkinan menambahkan peruntukan dalam Belanjawan 2001 sekiranya Hawa dapat memberi jaminan untuk membelanjakan semua peruntukan yang diterima," katanya.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Integrasi Wanita Dalam Pembangunan (NACIWID) Puan Sri Dr Fatimah Hamid Don ketika membentangkan resolusi persidangan itu berkata sebanyak 24 resolusi telah diluluskan termasuk cadangan penubuhan kementerian khas untuk wanita.

Beliau berkata pihaknya berharap supaya NACIWID yang telah berusia 25 tahun dinaikkan taraf menjadi Suruhanjaya Kebangsaan Untuk Kemajuan Wanita dan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri bagi memastikan ia dapat memainkan peranan secara berkesan membantu wanita.

Resolusi lain ialah meminta kerajaan menggubal Gender Equality Act dan menggunakan teknologi maklumat sepenuhnya untuk mewujudkan perpaduan rakyat berdasarkan prinsip Perpaduan berasaskan Pengetahuan (K-Perpaduan).

Menurutnya, anggota persidangan juga mencadangkan supaya konsep sekolah wawasan yang akan dilaksanakan kerajaan diperluaskan meliputi semua bidang seperti dasar perumahan multi-etnik, tempat-tempat ibadah kemudahan bersama dan kampung-kampung serta bandar-bandar wawasan.

Kerajaan juga diminta menggubal satu pelan induk bagi meningkatkan penglibatan wanita dalam bidang kesenian dan industri filem termasuk mengkaji kemungkinan mewujudkan Festival Filem Wanita dan mewujudkan tabung khas bagi membiayai wanita yang berminat membabitkan diri dalam bidang kesenian.

Resolusi lain ialah meminta diwujudkan institut penyelidikan dan

latihan kesihatan wanita yang bertanggungjawab membuat penyelidikan bagi  
mengubati penyakit-penyakit yang ada hubung kait dengan wanita.

--BERNAMA

NY RV zb